



CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

Tarikh dikeluarkan: 09/26/2018

Versi: 1.0

BAHAGIAN 1: Pengenalpastian bahan/campuran dan syarikat/perusahaan

1.1. Pengecam produk

Bentuk produk : Campuran
Name dagang : CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner
Kod produk : 1D20

1.2. Penggunaan bahan atau campuran berkaitan yang dikenal pasti dan penggunaan yang tidak dinasihatkan

Penggunaan bahan/campuran : Pembersih Proses dan Penyelidikan Berasaskan Asid

1.3. Butiran pembekal lembaran data keselamatan

STERIS Corporation
P. O. Box 147, St. Louis, MO 63166, US
Nombor Telefon untuk Mendapatkan Maklumat: 1-800-444-9009 (Khidmat Pelanggan - Produk-produk Saintifik)

1.4. Nombor telefon kecemasan

Nombor kecemasan : No. Telefon Kecemasan AS 1-314-535-1395 (STERIS); 1-800-424-9300 (CHEMTREC)

BAHAGIAN 2: Pengenalpastian bahaya

2.1. Pengelasan bahan atau campuran

Pengelasan GHS-AS

Kakisan Logam 1	H290
Ketoksikan Akut 4 (Mulut)	H302
Ketoksikan Akut 4 (Penyedutan: habuk, kabus)	H332
Kakisan Kulit 1B	H314
Kerosakan Mata 1	H318

2.2. Unsur label

Pelabelan GHS-AS

Piktogram bahaya (GHS-AS) :



GHS05

GHS07

Perkataan isyarat (GHS-AS) : Bahaya

Pernyataan bahaya (GHS-AS) : H290 - Boleh mengakis logam
H302+H332 - Memudaratkan jika tertelan atau jika tersedut
H314 - Menyebabkan lecuran kulit dan kerosakan mata yang teruk

Pernyataan berjaga-jaga (GHS-AS) : P234 - Pastikan bahan disimpan hanya di dalam bekas asal
P260 - Jangan sedut kabus, semburan, wap
P261 - Elakkan daripada tersedut kabus, semburan, wap
P264 - Basuh tangan bersih-bersih selepas mengendalikan bahan
P270 - Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini
P280 - Pakai sarung tangan pelindung/pakaian pelindung dan perlindungan mata/muka
P301+P312 - JIKA TERTELAN: Hubungi doktor jika anda rasa tidak sihat
P301+P330+P331 - JIKA TERTELAN: Berkumur. JANGAN paksa mangsa muntah
P303+P361+P353 - JIKA TERKENA KULIT (atau rambut): Segera tanggalkan/buka semua pakaian yang tercemar. Basuh kulit dengan air/pancuran air
P304+P340 - JIKA TERSEDUT: Pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan rehat supaya mangsa dapat bernafas dengan selesa
P305+P351+P338 - JIKA TERKENA MATA: Bilas berhati-hati dengan air selama beberapa minit. Tanggalkan kanta lekap, jika ada dan dapat dilakukan dengan mudah. Teruskan membilas
P406 - Simpan di dalam bekas tahan kakisan dengan pelapik dalam yang tahan kakisan
P501 - Lupuskan kandungan/bekas menurut peraturan tempatan, negara dan antarabangsa

2.3. Bahaya lain

Tiada maklumat tambahan tersedia.

BAHAGIAN 3: Komposisi/maklumat bahan

3.1. Bahan

Tidak berkaitan.

Teks penuh frasa H: lihat bahagian 16.

CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

3.2. Campuran

Nama	Pengecam produk	%	Pengelasan GHS-AS
Asid fosforik	(No. CAS) 7664-38-2 (No. REACH) 01-2119485924-24-0098	30 - 60	Kakisan Logam 1, H290 Ketoksikan Akut 4 (Mulut), H302 Ketoksikan Akut 3 (Penyedutan:habuk,kabus), H331 Kakisan Kulit 1B, H314
Asid sitrik	(No. CAS) 77-92-9 (No. REACH) 01-2119457026-42-0067	3 - 7	Kerengsaan Mata 2A, H319

BAHAGIAN 4: Langkah-langkah pertolongan cemas

4.1. Perihalan langkah-langkah pertolongan cemas

Langkah-langkah pertolongan cemas am	: Jangan sekali-kali berikan apa-apa melalui mulut kepada seseorang yang tidak sedar. Jika anda rasa tidak sihat, dapatkan nasihat perubatan (tunjukkan label jika boleh).
Langkah-langkah pertolongan cemas selepas penyedutan	: Pindahkan mangsa ke kawasan berudara segar dan biarkan mangsa dalam keadaan rehat supaya pesakit dapat bernafas dengan selesa. Jika pesakit tidak bernafas, lakukan pernafasan bantuan. Dapatkan rawatan perubatan.
Langkah-langkah pertolongan cemas selepas terkena kulit	: Segera curahkan banyak air pada kulit selama sekurang-kurangnya 15 minit. Segera tanggalkan/buka semua pakaian yang tercemar. Basuh kulit dengan air/pancuran air. Dapatkan nasihat/rawatan perubatan.
Langkah-langkah pertolongan cemas selepas terkena mata	: Sekiranya terkena mata, segera basuh dengan banyak air yang mengalir selama 10 hingga 15 minit dengan membuka kelopak mata dan berjumpa dengan pakar oftalmologi. Tanggalkan kanta lekap, jika ada dan dapat dilakukan dengan mudah. Teruskan membilas. Segera dapatkan rawatan perubatan.
Langkah-langkah pertolongan cemas selepas pengingesan	: Jika mangsa sedar sepenuhnya. Berkumur. JANGAN paksa mangsa muntah. Segera hubungi PUSAT RACUN atau doktor/pakar perubatan. Berikan air atau susu jika mangsa sedar sepenuhnya.

4.2. Simptom dan kesan yang paling penting, akut dan juga tertunda

Simptom/kecederaan	: Simptom mungkin tertunda. Merosakkan mata dan kulit. Menyebabkan lecuran kulit dan kerosakan mata yang teruk.
Simptom/kecederaan selepas penyedutan	: Toksik jika tersedut.
Simptom/kecederaan selepas terkena kulit	: Merosakkan mata dan kulit.
Simptom/kecederaan selepas terkena mata	: Menyebabkan kerosakan mata yang serius.
Simptom/kecederaan selepas pengingesan	: Menelan bahan ini dalam kuantiti yang kecil akan mengakibatkan bahaya kesihatan yang serius. Merengsakan sistem pernafasan, boleh menyebabkan sakit tekak dan batuk.

4.3. Indikasi sebarang rawatan perubatan segera dan rawatan khas diperlukan

Tiada maklumat tambahan tersedia.

BAHAGIAN 5: Langkah-langkah memadam kebakaran

5.1. Media pemadaman

Media pemadaman yang sesuai	: Gunakan media pemadaman yang sesuai untuk api sekeliling. Busa. Serbuk kering. Karbon dioksida. Pasir.
Media pemadaman yang tidak sesuai	: Jangan gunakan pancutan air yang kuat.

5.2. Bahaya khas yang timbul daripada bahan atau campuran

Produk penguraian berbahaya sekiranya berlaku : Penguraian terma menghasilkan: Wasap. Karbon monoksida. Karbon dioksida. Fosforus oksida kebakaran

5.3. Nasihat untuk pemadam kebakaran

Arahan memadam kebakaran	: Berhati-hati apabila memadam sebarang kebakaran kimia. Cegah air pemadaman kebakaran daripada memasuki persekitaran.
Peralatan perlindungan untuk pemadam kebakaran	: Gunakan alat pernafasan serba lengkap. Jangan masuk ke kawasan kebakaran tanpa peralatan perlindungan yang sesuai, termasuk perlindungan pernafasan.
Maklumat lain	: Gas sangat mudah terbakar (hidrogen) mungkin terbentuk apabila bersentuhan dengan logam.

BAHAGIAN 6: Langkah-langkah pelepasan tidak sengaja

6.1. Langkah berjaga-jaga diri, peralatan perlindungan dan prosedur kecemasan

Langkah-langkah am : Jangan sedut wasap, wap. Elakkan daripada terkena kulit, mata dan pakaian.

6.1.1. Untuk kakitangan bukan kecemasan

Peralatan perlindungan : Pakai sarung tangan pelindung dan perlindungan mata/muka. Untuk maklumat lanjut, rujuk Bahagian 8: Kawalan pendedahan/perindungan diri.

CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

Prosedur kecemasan : Hentikan bocoran jika selamat untuk dilakukan. Pindahkan kakitangan yang tidak diperlukan.

6.1.2. Untuk penggerak balas kecemasan

Peralatan perlindungan : Lengkapkan pekerja pembersihan dengan perlindungan yang sesuai.

Prosedur kecemasan : Udarakan kawasan.

6.2. Langkah berjaga-jaga alam sekitar

Cegahnyanya daripada memasuki pembetung dan air awam. Beritahu pihak berkuasa jika cecair memasuki pembetung atau air awam.

6.3. Kaedah dan bahan untuk pembendungan dan pembersihan

Kaedah untuk pembersihan : Bendung sebarang tumpahan dengan benteng atau penyerap untuk mencegahnya daripada mengalir dan memasuki pembetung atau sungai. Baki: Neutralkannya dengan natrium bikarbonat. Neutralkannya dengan natrium karbonat kering. Serap tumpahan menggunakan pepejal lengai, seperti tanah liat atau tanah berdiatom secepat mungkin. Serap tumpahan untuk mencegah kerosakan bahan. Kumpulkan tumpahan. Simpannya jauh daripada bahan-bahan lain. Patuhi peraturan tempatan, negara dan antarabangsa.

6.4. Rujukan kepada bahagian lain

Lihat Bahagian 8: Kawalan pendedahan dan perlindungan diri.

BAHAGIAN 7: Pengendalian dan penyimpanan

7.1. Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian yang selamat

Bahaya tambahan apabila diproses : Boleh mengakis logam.

Langkah berjaga-jaga untuk pengendalian yang selamat : Produk untuk kegunaan industri sahaja. Baca label sebelum menggunakannya. Sediakan pengudaraan yang baik di dalam kawasan proses untuk mencegah pembentukan wap. Elakkan daripada terkena mata dan kulit serta jangan sedut wap dan kabus. Basuh tangan dan bahagian-bahagian lain yang terdedah dengan sabun yang tidak begitu kuat dan air sebelum makan, minum atau merokok dan apabila meninggalkan tempat kerja.

Langkah-langkah kebersihan : Berhati-hati tentang kebersihan dan perkemasan am yang baik. Basuh tangan bersih-bersih selepas mengendalikan bahan. Jangan makan, minum atau merokok semasa menggunakan produk ini.

7.2. Keadaan untuk penyimpanan yang selamat, termasuk apa-apa ketidakserasian

Langkah-langkah teknikal : Sediakan pengudaraan yang memadai. Kemudahan/air cuci bagi tujuan mencuci mata dan kulit harus ada.

Keadaan penyimpanan : Pastikan bahan disimpan hanya di dalam bekas asal di tempat yang sejuk dan mempunyai pengudaraan yang baik. Pastikan bekas sentiasa ditutup apabila tidak digunakan.

Bahan-bahan tidak serasi : Agen pengoksidaan yang kuat. Bes yang kuat. Aluminium.

Kawasan penyimpanan : Simpan di tempat yang kering, sejuk dan mempunyai pengudaraan yang baik.

Peraturan khas tentang pembungkusan : Dilabelkan dengan betul.

Bahan pembungkusan : Pastikan bahan disimpan hanya di dalam bekas asal. Simpan di dalam bekas tahan kakisan dengan pelapik dalam yang tahan kakisan.

7.3. Kegunaan akhir yang khusus

Tiada maklumat tambahan tersedia.

BAHAGIAN 8: Kawalan pendedahan/perindungan diri

8.1. Parameter kawalan

Asid fosforik (7664-38-2)		
ACGIH AS	TWA ACGIH (mg/m ³)	1 mg/m ³
ACGIH AS	STEL ACGIH (mg/m ³)	3 mg/m ³
OSHA AS	PEL (TWA) OSHA (mg/m ³)	1 mg/m ³

8.2. Kawalan pendedahan

Kawalan kejuruteraan yang sesuai : Pastikan pengudaraan yang memadai. Tempat mencuci mata dan pancuran air keselamatan bagi tujuan kecemasan harus disediakan di kawasan berdekatan yang berpotensi mengalami sebarang pendedahan.

Peralatan perlindungan diri : Elakkan semua pendedahan yang tidak diperlukan. Peralatan perlindungan diri harus dipilih berdasarkan keadaan pengendalian atau penggunaan produk ini. Pakaian pelindung. Sarung tangan. Gogal pelindung.



CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

Perlindungan tangan	: Pakai sarung tangan getah daripada bahan yang sesuai, seperti butil, asli, neoprena, nitril, polietilena, polivinil klorida.
Perlindungan mata	: Pakai gogal percikan bahan kimia.
Perlindungan kulit dan badan	: Pakai pakaian pelindung yang sesuai. Pakai pakaian berlengan panjang. But.
Perlindungan pernafasan	: Kerja di dalam zon yang mempunyai pengudaraan yang baik atau gunakan perlindungan pernafasan yang sesuai. Pakai topeng yang sesuai.
Maklumat lain	: Jangan makan, minum atau merokok semasa penggunaan.

BAHAGIAN 9: Sifat-sifat fizikal dan kimia

9.1. Maklumat tentang sifat-sifat fizikal dan kimia yang asas

Keadaan fizikal	: Cecair
Rupa	: Jernih hingga berkabut
Warna	: Tidak berwarna
Bau	: Sedikit bau, ciri
Ambang bau	: Tiada data tersedia
pH	: Tiada data tersedia
Larutan pH	: Lebih kurang 2 (1% larutan)
Kadar penyejatan relatif (butil asetat=1)	: Tiada data tersedia
Takat lebur	: Tiada data tersedia
Takat beku	: Tiada data tersedia
Takat didih	: Tiada data tersedia
Takat kilat	: >92.2°C
Suhu swapencucuhan	: Tiada data tersedia
Suhu penguraian	: Tiada data tersedia
Kemudahbakaran (pepejal, gas)	: Tiada data tersedia
Tekanan wap	: Tiada data tersedia
Ketumpatan wap relatif pada 20°C	: Tiada data tersedia
Ketumpatan relatif	: Tiada data tersedia
Ketumpatan	: lebih kurang 1.34 g/ml Graviti Tentu
Keterlarutan	: Air: Boleh larut sepenuhnya
Log Pow	: Tiada data tersedia
Log Kow	: Tiada data tersedia
Kelikatan, kinematik	: Tiada data tersedia
Kelikatan, dinamik	: Tiada data tersedia
Sifat-sifat letupan	: Tiada data tersedia
Sifat-sifat pengoksidaan	: Tiada data tersedia
Had letupan	: Tiada data tersedia

9.2. Maklumat lain

Tiada maklumat tambahan tersedia.

BAHAGIAN 10: Kestabilan dan kereaktifan

10.1. Kereaktifan

Tiada maklumat tambahan tersedia.

10.2. Kestabilan bahan kimia

Stabil di bawah keadaan penggunaan yang biasa.

10.3. Kemungkinan tindak balas berbahaya

Pempolimeran berbahaya tidak akan berlaku.

10.4. Keadaan yang perlu dielakkan

Suhu yang terlalu tinggi atau rendah.

10.5. Bahan-bahan tidak serasi

Pengoksida yang kuat. Bes yang kuat. Aluminium.

10.6. Produk penguraian berbahaya

Penguraian terma menghasilkan: Wap yang mengakis. Fosforus oksida. Wasap. Karbon monoksida. Karbon dioksida.

CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

BAHAGIAN 11: Maklumat toksikologi

11.1. Maklumat tentang kesan toksikologi

Ketoksikan akut : Memudaratkan jika tertelan. Memudaratkan jika tertedut.

CIP 200 [®] Acid-Based Process and Research Cleaner	
LD50 mulut tikus	> 1000 mg/kg
ATE (habuk,kabus)	1.500 mg/l/4h

Asid fosforik (7664-38-2)	
LD50 mulut tikus	1530 mg/kg
LD50 dermis anab	2730 mg/kg
LC50 penyedutan tikus (mg/l)	> 0.85 mg/l (Masa pendedahan: 1 j)
ATE (mulut)	1530.000 mg/kg berat badan
ATE (dermis)	2730.000 mg/kg berat badan
ATE (habuk,kabus)	0.850 mg/l/4h

Kakistan/kerengsaan kulit	: Menyebabkan lecuran kulit dan kerosakan mata yang teruk pH: 2
Kerosakan/kerengsaan mata yang serius	: Menyebabkan kerosakan mata yang serius pH: 2
Pemekaan pernafasan atau kulit	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Kemutagenan sel germa	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Kekarsinogenan	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Ketoksikan pembiakan	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Ketoksikan organ sasaran khusus (pendedahan tunggal)	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Ketoksikan organ sasaran khusus (pendedahan berulang)	: Tidak dikelaskan Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Bahaya aspirasi	: Tidak dikelaskan : Berdasarkan data yang tersedia, kriteria pengelasan tidak dipenuhi
Kesan dan simptom buruk yang mungkin terhadap manusia	: Memudaratkan jika tertelan

BAHAGIAN 12: Maklumat ekologi

12.1. Ketoksikan

Asid sitrik (77-92-9)	
LC50 ikan 1	1516 mg/l (Masa pendedahan: 96 j - Spesies: Lepomis macrochirus [Statik])
EC50 Dafnia 1	120 mg/l (Masa pendedahan: 72 j - Spesies: Dafnia magna)

Asid fosforik (7664-38-2)	
LC50 ikan 1	3 - 3.5 mg/l (Masa pendedahan: 96 j - Spesies: Gambusia affinis)
EC50 Dafnia 1	4.6 mg/l (Masa pendedahan: 12 j - Spesies: Dafnia magna)

12.2. Keterusan dan kebolehuraian

CIP 200 [®] Acid-Based Process and Research Cleaner	
Keterusan dan kebolehuraian	Surfaktan yang terkandung dalam persediaan ini mematuhi kriteria keterbiodegradasikan seperti yang ditetapkan dalam Peraturan (EC) No. 648/2004 tentang detergen. Data untuk menyokong penegasan ini boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja oleh pihak berkuasa kompeten Negara-negara Anggota dan akan diberikan kepada mereka apabila diminta terus oleh mereka atau apabila diminta oleh pengilang detergen.

12.3. Potensi biotumpukan

CIP 200 [®] Acid-Based Process and Research Cleaner	
Potensi biotumpukan	Tidak ditetapkan

CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

Asid sitrik (77-92-9)

Log Pow : -1.72 (pada 20°C)

12.4. Kebolehergerakan dalam tanah

Tiada maklumat tambahan tersedia.

12.5. Kesan buruk lain

Maklumat lain : Elakkan pelepasan ke alam sekitar.

BAHAGIAN 13: Pertimbangan pelupusan

13.1. Kaedah rawatan sisa

Pengesyoran pelupusan sisa : Lupuskan dengan cara yang selamat menurut peraturan tempatan/negara.
Maklumat tambahan : Produk yang tidak digunakan: Sisa berbahaya (mengakis) berdasarkan pH.
Ekologi - bahan sisa : Elakkan pelepasan ke alam sekitar.

BAHAGIAN 14: Maklumat pengangkutan

Menurut DOT /ADR / RID / IMDG / IATA / ADN

14.1. Nombor PBB

No. PBB : 1805
No. PBB (IATA) : 1805
No. PBB (IMDG) : 1805

14.2. Nama pengiriman wajar PBB

Nama Pengiriman Wajar : ASID FOSFORIK, CECAIR
Perihalan dokumen pengangkutan : UN 1805 ASID FOSFORIK, CECAIR, 8, III

14.3. Kelas bahaya pengangkutan

Kelas (PBB) : 8
Kelas (IMDG) : 8
Label bahaya (PBB) : 8



14.4. Kumpulan pembungkusan

Kumpulan pembungkusan (PBB) : III

14.5. Bahaya alam sekitar


Maklumat lain : Mengakis.

14.6. Langkah berjaga-jaga khas untuk pengguna

Langkah berjaga-jaga khas pengangkutan : Bungkus seberat 4 x 1 gelen tidak diluluskan untuk pengiriman udara.

14.6.1. Pengangkutan melalui darat

Nombor pengenalan bahaya (No. Kemler) : 80
Kelas pengelasan (PBB) : C1
Plat berwarna jingga :



Kategori pengangkutan (ADR) : 3
Kod sekatan terowong : E
Kuantiti terhad (ADR) : 5L
Kuantiti terkecuali (ADR) : E1
Kod EAC : 2R

14.6.2. Pengangkutan melalui laut

Tiada maklumat tambahan tersedia.

CIP 200[®] Acid-Based Process and Research Cleaner

Lembaran Data Keselamatan

mengikut peraturan komunikasi bahaya muktamad persekutuan yang dipinda pada 2012 (HazCom 2012)

14.6.3. Pengangkutan udara

Tiada maklumat tambahan tersedia.

14.7. Pengangkutan secara pukal menurut Lampiran II MARPOL 73/78 dan Kod IBC

Tidak berkaitan.

BAHAGIAN 15: Maklumat kawal selia

15.1. Undang-undang Persekutuan AS

Asid sitrik (77-92-9)

Tersenarai dalam inventori TSCA (Akta Kawalan Bahan Toksik) Amerika Syarikat

Asid fosforik (7664-38-2)

Tersenarai dalam inventori TSCA (Akta Kawalan Bahan Toksik) Amerika Syarikat

15.2. Undang-undang Negeri AS

Tidak berkaitan.

BAHAGIAN 16: Maklumat lain

Tarikh Semakan : 09/26/2018

Teks penuh frasa H:

Ketoksikan Akut 3 (Penyedutan:habuk,kabus)	Ketoksikan akut (penyedutan:habuk,kabus), Kategori 3
Ketoksikan Akut 4 (Penyedutan:habuk,kabus)	Ketoksikan akut (penyedutan:habuk,kabus), Kategori 4
Ketoksikan Akut 4 (Mulut)	Ketoksikan akut (mulut), Kategori 4
Kerosakan Mata 1	Kerosakan mata/kerengsaan mata yang serius, Kategori 1
Kerengsaan Mata 2	Kerosakan mata/kerengsaan mata yang serius, Kategori 2
Kakisan Logam 1	Mengakis logam, Kategori 1
Kakisan Kulit 1B	Kakisan/kerengsaan kulit, Kategori 1A
H290	Boleh mengakis logam
H302	Memudaratkan jika tertelan
H314	Menyebabkan lecuran kulit dan kerosakan mata yang teruk
H318	Menyebabkan kerosakan mata yang serius
H319	Menyebabkan kerengsaan mata yang serius
H331	Toksik jika tersedut
H332	Memudaratkan jika tersedut

Bahaya kesihatan NFPA


: 2 - Pendedahan keterlaluan atau berterusan boleh menyebabkan kehilangan upaya sementara atau kemungkinan sisa-sisa kecederaan kecuali rawatan perubatan segera diberikan

Bahaya kebakaran NFPA

: 0 - Bahan yang tidak akan terbakar.

Kereaktifan NFPA

: 1 - Biasanya stabil, tetapi boleh menjadi tidak stabil pada suhu dan tekanan termaik atau boleh bertindak balas dengan air dengan sedikit pelepasan tenaga, tetapi tidak kuat



SDS AS (GHS HazCom 2012)

Maklumat dalam lembaran ini bukan merupakan spesifikasi dan tidak menjamin sifat-sifat khusus. Maklumat tersebut bertujuan untuk memberikan pengetahuan am berkaitan dengan kesihatan dan keselamatan berdasarkan pengetahuan kami tentang pengendalian, penyimpanan dan penggunaan produk. Ia tidak ada kaitan dengan penggunaan produk ini secara luar biasa atau tidak mengikut standard atau apabila arahan atau pengesyoran tidak dipatuhi.